

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 19 Oktober 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA SEPTEMBER 2023

**Jumlah perdagangan Malaysia pada September 2023 berkurang
12.6 peratus atau RM32.2 bilion kepada RM224.4 bilion, tahun ke tahun**

PUTRAJAYA, 19 Oktober 2023 – Berikutan permintaan global yang perlahan dan harga komoditi yang lebih rendah, jumlah perdagangan, eksport dan import Malaysia pada September 2023 kekal menguncup untuk bulan ketujuh berturut-turut sejak Mac 2023. Jumlah perdagangan berkurang 12.6 peratus kepada RM224.4 bilion, eksport menyusut 13.7 peratus kepada RM124.5 bilion dan import menurun 11.1 peratus kepada RM100.0 bilion, tahun ke tahun. Lebihan dagangan turut merosot 23.0 peratus kepada RM24.5 bilion pada September 2023 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, SEPTEMBER 2023**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport Malaysia mencatatkan penguncupan pada September 2023 selaras dengan penurunan yang ditunjukkan oleh kedua-dua eksport semula dan eksport domestik. Eksport semula berjumlah RM27.8 bilion, menyusut 17.9 peratus berbanding September 2022. Eksport domestik bernilai RM96.7 bilion, menyumbang 77.7 peratus kepada jumlah eksport berkurang 12.4 peratus. Import pada September 2023 bernilai RM100.0 bilion, berkurang 11.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Sementara itu, lebihan dagangan menguncup 23.0 peratus kepada RM24.5 bilion, lebihan dagangan ke-41 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Ogos 2023, prestasi eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan merekodkan peningkatan masing-masing 8.2 peratus, 2.1 peratus, 5.4 peratus dan 42.7 peratus."

Meninjau dari sudut kumpulan barangan, 146 daripada 255 kumpulan barangan eksport dan 149 daripada 258 kumpulan barangan import menunjukkan penurunan berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa eksport yang lebih rendah disumbangkan oleh penurunan terutamanya ke China (-RM3.5 bilion), diikuti oleh Singapura (-RM2.5 bilion), Jepun (-RM2.5 bilion), Indonesia (-RM1.9 bilion), Amerika Syarikat (-RM1.5 bilion), Australia (-RM1.4 bilion) dan Hong Kong (-RM1.2 bilion). Sementara itu, penurunan import terutamanya disumbangkan dari Amerika Syarikat (-RM2.7 bilion), diikuti oleh Taiwan (-RM2.3 bilion), Indonesia (-RM2.2 bilion), China (-RM2.2 bilion), Arab Saudi (-RM1.8 bilion) dan Jepun (-RM1.5 bilion).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penyusutan selaras dengan pengurangan oleh keluaran petroleum (-RM6.6 bilion); barangan elektrik & elektronik (-RM3.1 bilion); gas asli cecair (-RM2.5 bilion); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (-RM2.2 bilion) dan barangan perkilangan lain (-RM1.2 bilion). Sementara itu, penguncupan import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (-RM3.2 bilion); petroleum mentah (-RM3.1 bilion); arang batu (-RM1.1 bilion); kimia & bahan kimia (-RM1.0 bilion) dan minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (-RM890.7 juta).

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penyusutan import mengikut Penggunaan Akhir seiring dengan permintaan yang lebih perlahan bagi barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan. Import barangan perantaraan (49.5% daripada jumlah import) bernilai RM49.5 bilion, mencatatkan kemerosotan 15.6 peratus atau RM9.1 bilion. Barangan modal bernilai RM10.9 bilion menyusut 5.8 peratus berbanding September 2022 dan merangkumi 10.9 peratus daripada jumlah import. Barangan penggunaan (8.8% daripada jumlah import) mencatatkan pengurangan 0.6 peratus kepada RM8.8 bilion."


Prestasi bagi suku tahun ketiga (ST3) 2023, jumlah dagangan, eksport dan import mencatatkan kemerosotan berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah dagangan turun 15.7 peratus, selari dengan pengurangan eksport (-15.2%) dan import (-16.3%). Lebihan dagangan berjumlah RM59.1 bilion, menyusut 9.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2022.

Berikutan dengan itu, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan bagi tempoh Januari hingga September 2023 turut mencatatkan penurunan. Jumlah dagangan berkurang 8.6 peratus, sejajar dengan penyusutan eksport (-8.4%) serta import (-8.9%). Pada masa yang sama, lebihan dagangan merosot 5.7 peratus bagi mencatatkan nilai RM177.3 bilion.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "**Statistik Nadi Kehidupan**".


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2022 – Sep 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2018 – 2023 (Jan - Sep)



Carta 3: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
Jan 2022 – Sep 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
2018 – 2023 (Jan - Sep)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

19 OKTOBER 2023